

Karangan Pertama

Muhamad Haziq bin Ahmad

Seperti hari-hari persekolahan biasa, cikgu Zainudin berdiri di hadapan kelas dengan gaya yang menyenangkan dan menarik perhatian pelajar-pelajarnya. Setiap penerangan yang diberikan, diterima dengan jelas oleh setiap pelajar. Kelas seperti hidup. Semua pelajar tingkatan 5 Azam menumpukan perhatian dan memandang setiap inci pergerakan Cikgu Zainudin.

“Hari ini, kita akan tulis sebuah karangan empat unsur.” Kata Cikgu Zainudin dengan senyum.

Mata pelajar-pelajar tidak terlepas daripada memandang raut wajah cikgu mereka.

“Tajuknya ialah “Saya Sayang Abah”, kalau nak letak ayah atau bapa pun boleh.” Sambung Cikgu Zainudin lagi begitu lagi. Begitu ceria wajah guru dalam lingkungan tiga puluhan itu. Dia mula memberi peluang kepada pelajarnya untuk berbincang.

“Abah selaku ketua dalam rumah tangga.” Tambah Cikgu Zainudin tentang isi karangan yang sedang dibincangkan.

Lina berpeluh. Dia tidak mengerti, kenapa tiba-tiba guru kesayangannya menunjuk ke arahnya untuk bangun bercakap. Biarlah rakan-rakan lain sahaja yang bercakap.

“Eh, Lina! Kenapa membisu sahaja?” tanya Cikgu Zainudin.

Harapannya tidak menjadi kenyataan. Cikgu Zainudin memandang tepat ke arahnya. Dia semakin menjadi serba salah.

“Tak sayang emak dan abah ke?” Tanya Cikgu Zainudin lagi sambil bergurau.

Lina jadi semakin bercelaru. Fikirannya berkecamuk.

“Ayah saya selalu belanja makan di luar.” Sampuk Khalida pula.

“Ayah saya baru balik dari luar negara.” Celah Shahrin yang kurus melidi itu.

“Ayah saya kata, kalau saya dapat 10 A1, dia nak bawa kami satu keluarga mengelilingi dunia.” Ujar Nadiah yang tidak mahu ketinggalan, juga menyampuk.

“Lina?” Panggil Cikgu Zainudin kembali memandang ke arah anak gadis yang pendiam tetapi bijak itu.

Lina hanya menggelengkan kepala sahaja. Dadanya menjadi sebak. Dia cuba menahan perasaannya. Dia tidak mahu ari jernih mengalir dari kelopak matanya. Dia tidak mahu Cikgu Zainudin, Khalida, Nadiah, Hafiz, dan rakan-rakannya yang lain tahu. Ini soal maruahnya, soal keluarganya.

Pada akhir pelajaran Bahasa Melayu hari itu, Cikgu Zainudin mengingatkan pelajarinya supaya menghantar karangan mereka pada keesokan harinya.

“Haziq, kumpul dan hantar ke bilik guru pagi esok!” Pesan Cikgu Zainudin.

Haziq tersenyum. Dia faham arahan gurnya itu. Selama ini, mereka tidak pernah menolak arahan atau permintaan Cikgu Zainudin.

Lina menjenguk keluar melalui jendela biliknya. Beberapa ekor kambing sedang meragut rumput. Seekor anak kambing sedang menyusui dari bawah perut ibunya.

Dia menoleh ke belakang. Ke arah buku latihan yang terbuka dan terletak di atas meja kecil yang digunakan untuk menulis. Belum tertulis apa-apa pun. Wajah Cikgu Zainudin menari-nari di ruang matanya.

“Saya Sayang Abah!” Kata-kata halus yang keluar dari bibir Cikgu Zainudin semakin lama semakin kuat dan bergema hingga dirasakan hampir memecahkan anak telinganya.

“Saya Sayang Abah?” Dia tidak tahu apakah dia perlu menjawabnya dalam karangan yang diminta oleh gurunya.

Wajah ayahnya yang bebadan sasa dengan air muka yang bengis kian menghampirinya. Ayahnya memandang dengan bola mata yang berapi. Sedikit pun tidak ada belas kasihan dia wajah orang tua itu.

“Saya tak buat!” Laungnya

Ayahnya semakin garang.

“Saya tak bersalah!” Rayunya lagi dengan sebak menahan helaan nafas.

Apalah sangat dayanya. Akhirnya Lina tidak terdaya lagi. Ayah memukul dengan rotan sebesar ibu jari. Ayah seperti dirasuk syaitan. Jerit tangisnya

sedikitpun tidak diendahkan. Lina tidak bermaya lagi ketika emak sampai di muka pintu.

“Anak tak boleh harap, adik dua orang pun tak boleh jaga!” Emak berleter lagi tanpa sedikit pun membayangkan sifat keibuan apatah lagi rasa beals kasihan.

Tiga hari Lina tidak pergi ke sekolah. Selama itu jugalah dia mengerang kesakitan. Seluruh badannya berjalur merah. Mahu rasanya dia lari sahaja meninggalkan rumah. Terfikir juga, ke mana hendak membawa diri.

Haziq memungut satu demi satu buku karangan. Dia perlu segera memungut buku-buku tersebut sebelum loceng dibunyikan. Dia perlu segera meletakkan buku-buku itu di atas meja Cikgu Zainudin. Dia menghitung satu demi satu.

“Satu lagi siapa?”

“Ini ada 29 buah sahaja.”

“Cepatlah, nanti cikgu marah.” Sampuk Shafiq yang sudah bersedia untuk turun ke padang.

Suara pelajar-pelajar tingkatan 5 Azam yang mengatakan bahawa mereka sudah menghantar buku karangan menjadi hingar bingar. Kelas itu menjadi bising.

“Semua orang diam dulu! Saya nak hantar buku dahulu.” Kata Haziq setelah permintaannya tidak dilayan.

Dada Lina berdebar-debar apabila dia terpangang cikgu Zainudin yang sedang memandang tepat ke arahnya. Dia tidak tahu apa yang harus dijawab kalau

Cikgu Zainudin memanggilnya nanti. Dia malu kepada rakan-rakan sekelasnya. Mengapa dia seorang sahaja yang tidak menghantar karangan.

“Lina! Boleh jumpa saya di bilik tamu nanti?” Kata Cikgu Zainudin sebelum melepaskan murid-murid untuk keluar rehat.

Lina mengangguk lemah. Dia tidak jadi keluar ke kantin. Dia merasakan seolah-olah semua orang memandang ke arahnya dengan tanda tanya.

“Lina ada apa-apa masalah?” Tanya Cikgu Zainudin dengan perlahan dan lembut. Suara guru itu menyentuh cuping telinga anak gadis itu.

“Kenapa sejak akhir-akhir ini awak selalu tidak membuat kerja sekolah?” tanya Cikgu Zainudin lagi. Dia tidak perlu berlengah lagi. Dia tahu, ada sesuatu yang tersembunyi di dalam diri muridnya ini.

Dengan pertanyaan itu, Lina mula mengeluarkan air mata. Dadanya sebak. Dia menutup matanya dengan kedua-dua tapak tangan. Cikgu Zainudin jadi tidak tentu. Adakah pertanyaannya itu menyentuh sesuatu yang selama ini ingin disembunyikan?

Dia membiarkan Lina melepaskan perasaannya. Macam-macam yang berbaur dalam dirinya. Esok tangisnya semakin menjadi-jadi. Cikgu Zainudin tidak memujuk, dan membiarkan Lina menangis bersendirian.

Dia tidak dapat menahan kesakitannya lagi. Semua diceritakan.

“Saya bangun lewat.” Katanya sambil menahan sebak dan kesakitan.

“Abah pukul saya kerana tak masak air.”

Tangan kirinya bengkok dan kemerahan. Kata Lina, seluruh badannya ada kesan calar dan lebam akibat dipukul dengan tali pinggang oleh abahnya.

Cikgu Zainudin kemudiannya mengiringi Lina keluar ke ruang tamu. Dia masuk menemui pengetua.

“Kita mesti lakukan sesuatu!” Terang Cikgu Zainudin dengan penuh simpati.

“Kita laporkan dengan segera!” Celah pengetua dengan penuh semangat.

Belum pun sempat Cikgu Zainudin berkata apa-apa, tiba-tiba sahaja kerani pejabat melulu masuk dan membisikkan sesuatu. Mata Cikgu Zainudin dan pengetua kemudiannya tertumpu ke arah Lina yang dalam kebingungan.

Cikgu Zainudin memimpin Lina ke arah kereta pengetua. Pelajar-pelajar tingkatan 5 Azam memandang dengan penuh tanda tanya. Lina tetap membisu.

Di hospital, emak dan adik-adik sudah sedia menunggu. Lina dibawa ke suatu sudut. Dia tidak dapat mengawal perasaannya lagi. Dia tidak peduli. Lina menangis sekuat hati. Darah marah masih mengalir dari muka dan badan abah. Abahnya ditimpa kemalangan di tempat kerja.

“Saya sayang abaaaaah!” Jeritnya dengan sekuat-kuat hatinya.

Emak memeluk sambil mengusap kepalanya. Dia juga terus menangis.

“Abah! Jangan tinggalkan Lina abah. Abah! Lina sayang Abah!”

Ketika mayat abah dibawa pulang, Lina mengerti abahnya kini sudah tiada. Abah tidak akan memukulnya lagi, tetapi dia tetap sayangkan abah.